

Perkembangan Islam di Madagaskar

Rencana ini ialah buah kalam Al-Ustadh ‘Umar Ṭal‘at Zahrān, Mesir menggambarkan perkembangan Islam di kepulauan Madagaskar dan pertalian penduduknya dengan penduduk kepulauan Melayu dan Semenanjung Arab.

Madagaskar ialah sebuah pulau besar terletak sejauh 140 batu dari pantai Afrika Timur. Panjangnya 980 batu dan lebarnya 350 batu. Penduduknya berjumlah lebih daripada 4 juta jiwa. Pulau Madagaskar ini bersama-sama dengan pulau-pulau Comoros (yang terletak di sebelah utaranya) telah dijajah oleh Perancis semenjak tahun 1896.


Penduduk asli terdiri daripada beberapa suku yang berlainan adat istiadatnya. Kebanyakan mereka berasal dari kepulauan Melayu. Mereka datang ke situ dengan kapal layar yang telah dipukul oleh angin ribut dan terdampar ke pantai pulau itu. Dalam kurun Masihi yang kesembilan, datanglah pula orang-orang Arab dan lama kelamaan mereka telah memegang teraju pemerintahan, sekalipun mereka akhirnya telah meleburkan diri dalam masyarakat di situ dan darah mereka telah bercampur dengan darah penduduk yang lain.

Kepulauan Madagaskar (Madaghasqar) ini dikenali oleh orang Arab dengan dua nama, yang pertama: *“jazā’ir wāq al-wāq”* (Kepulauan Wak-Wak), iaitu nama yang banyak sekali tersebut di dalam kitab-kitab tawārikh Islam, kitab-kitab pengembara Islam dan juga cerita *“Alf laylah wa laylah.”*

Al-Qazwīnī dan Al-Wardī ada menyebut di dalam kitab-kitab mereka, bahawa kepulauan “Wak Wak” itu diperintah oleh seorang raja perempuan yang bersemayam di atas takhta kerajaannya dengan memakai pakaian separuh telanjang, bermahkota emas dan di kelilingi oleh empat ribu orang inang pengasuhnya. Tetapi al-Idrisi pula menyebut, bahawa raja perempuan itu memakai persalinan yang ditunen daripada benang emas, dan berkasut daripada emas juga. Suatu cerita dongeng telah disebut oleh al-Damshiqī mengenai penduduk kepulauan Wak Wak ini. Kononnya mereka ialah sejenis makhluk meskipun menyerupai manusia, tetapi mereka ialah buah sejenis pohon-pohon yang amat besar, mereka terjuntai dari rambut mereka, dan sentiasa berbunyi: “wak wak”.

[Menurut huraian *“Ensiklopedia Islam”*

bahawa kalimah “wak wak” menurut bahasa penduduk pulau Madagaskar, bermakna: rakyat atau tanah air atau pun puak. Daripada pengertian ini dapatlah diterima bahawa kepulauan Madagaskar ialah kepulauan “Wak Wak” seperti yang dikatakan oleh al-Ya‘qūbī. Adapun tentang buah yang terjuntai itu, maka sememangnya ada kepulauan itu



Murid-murid Madrasah Nūr al-Īmān, Saigon, Vietnam Selatan, bergambar ramai dengan guru-gurunya. Gambar sudut ialah Ustaz Musa al-Maskī, Guru Besarnya.

pohon-pohon besar yang buahnya sama seperti yang dikatakan oleh al-Damshiqī itu].

Jazā'ir al-Qamr

Kalau kita tinggalkan cerita-cerita dongeng yang disebutkan oleh pengembara-pengembara Islam itu, kita akan dapati bahawa nama yang kedua yang diberi oleh orang-orang Arab kepada kepulauan ini ialah “Jazā'ir al-Qamr” (kepulauan bulan). Nama ini masih berkekalan menjadi nama bagi beberapa buah pulau yang terletak di utara Pulau Madagaskar, walaupun nama itu sekarang telah dipelatkan orang, menjadi kepulauan “Comoro”. Ahli-ahli ilmu alam dari orang-orang Islam telah menyebut perihal kepulauan ini, diantaranya ialah al-Khawarizmī (meninggal 835 M.),

sebagaimana juga telah disebut oleh pengembara-pengembara yang bukan Islam, diantaranya ialah Marco Polo, yang mengatakan bahawa kepulauan Madagaskar itu ialah negeri yang didiami oleh orang-orang Islam “yang menyembah” Muḥammad.

Kebanyakan penduduk kepulauan Madagaskar ini beragama Islam dan terbahagi tiga:

Pertama: Penduduk pulau-pulau Comoro, dan juga penduduk pantai barat laut pulau Madagaskar iaitu suku-suku Tanakarani dan Tasmihiti.

Kedua: penduduk barat dan tengah pulau Madagaskar, iaitu suku Sakalapi.

Ketiga: Penduduk negara pulau itu, iaitu suku-suku: Taimuri, Tamibahuka, Tifisi dan Tisiki.

Dari Semenanjung Arab

Gabriel Firanne¹ seorang Gabenor Perancis yang pernah memegang teraju pemerintahan kepulauan Madagaskar, telah menyebut di dalam beberapa buah makalahnya yang tersunting dalam *Ensiklopedia Islam*, bahawa orang-orang Islam telah datang ke kepulauan itu dalam empat gelombang. Yang pertama ialah di antara kurun Masihi yang keenam dan yang kesembilan. mereka telah memasukkan sebahagian penduduk – penyembah berhala – ke dalam Islam. Orang-orang Islam yang tersebut datangnya dari pantai Semenanjung Arab yang terletak di tepi Teluk Parsi.

Dari Sumatera

Gelombang orang Islam yang kedua pula datangnya dari Pulau Sumatera pada penghujung kurun Masihi yang kesepuluh, merekalah yang telah menamakan kepulauan Madagaskar itu “Kepulauan Wak Wak”.

Dari Parsi

Gelombang ketiga pula datangnya dari Parsi, dan gelombang yang keempat datangnya dalam pertengahan kurun Masihi yang ketiga belas. Bukti yang menunjukkan kedatangan orang-orang Islam ke situ ialah hasil peninggalan mereka, di antaranya kumpulan kitab-kitab yang bertulis tangan, yang masih tersimpan dengan baik pada masa ini, di khutubkhanah negara, di Paris.

Hasil peninggalan orang-orang Islam

Hasil peninggalan orang-orang Arab dan kaum-kaum Islam yang lain, adalah kelihatan jelas pada hari ini dalam kehidupan penduduk Kepulauan Madagaskar, meliputi bahasa dan adat istiadat mereka.

Yang terutama sekali dari hasil peninggalan itu ialah agama Islam yang menjadi agama penduduk Kepulauan Madagaskar. Selain daripada itu ialah tulisan penduduknya menggunakan huruf Arab, dan kumpulan kata-kata dari bahasa Arab. Demikian juga kata-kata mengenai istilah ilmu falak, ucapan salam, nama-nama pakaian, matawang, alat-alat bunyian, nama hari dan bulan, dan banyak lagi. Sebuah suratkhbar yang berdasar Islam, yang memakai bahasa Arab dan bahasa Malagi (bahasa penduduk), pernah diterbitkan di bandar Tananarif (ibu negeri pulau Madagaskar). Akhbar itu bernama : “*Qamar al-Din*”. Naskhah-naskhah kitab-kitab suci al-Qur’an al-Karim dan kitab-kitab agama yang berbahasa Arab ialah kitab-kitab yang sangat-sangat mendapat kehormatan dari penduduk-penduduk Islam di Madagaskar, yang dipusakai turun temurun (Henry Rusiyun: In xxxxxx Paris – 1933.)

Yang menyedihkan, orang-orang yang buta agama dan buta huruf masih banyak di sana, dan kerana itu banyaklah perbuatan yang menyalahi agama terhebah di antara orang-orang awam, seperti berubat kepada pawang-pawang yang menyimpan hantu, ilmu sihir, ilmu nujum dan sebagainya. (Robert Grainsis: “Madagaskar”, London 1919, dan Andrew Borges: “*Zanahari ini saus Madagaskar – 1932*”).

Empat kesultanan

Penduduk Islam Madagaskar bermazhab Shafi‘i dan bahasa rasmi mereka ialah bahasa pesisir laut. Pulau itu pula terbahagi kepada empat kesultanan di bawah kuasa Perancis. Yang pertama kesultanan “Anjazisha” berpusat di bandar “Muruni”. Kedua kesultanan “Anjuann” berpusat di bandar “Musamuda” raja-rajanya

¹ nama sebenar ialah Pierre Gabriel de Chevigné

berasal dari bandar Shiraz, Parsi, mereka datang

ke situ kira-kira pada tahun 1506 M. Kesultanan yang

ketiga berasal dari raja-raja kesultanan yang kedua.

Manakala kesultanan yang keempat ialah kesultanan “Muhali”

yang juga berasal dari bandar Shiraz, Parsi dan

sejarah mereka berbalik kepada tahun 830 M.

Di antara penduduk Islam di Madagaskar, maka suku “Sakalaki”lah yang tidak berpegang dengan betul akan ajaran-ajaran Islam. Mereka membesarkan dan merayakan bulan Ramadan tetapi mereka tidak pula menunaikan puasanya.

Penduduk Islam di selatan pulau itu pula, menurut cerita-cerita tua mereka berasal dari Mekah *al-Mukarramah*. Mereka tetap berpegang teguh kepada huruf Arab, dan bahasa Arab ialah bahasa yang mereka hormati. Naskhah-naskhah Qur’ān dan kitab-kitab Arab terutama yang mengenai ilmu perubatan dan falak adalah dipusakai turun temurun.

Dalam tahun 1924 penyebar-penyebarnya Qadiani mulai datang menyebarkan ajarannya yang sesat ke situ. Tetapi serentak dengan itu datang pula ulama-ulama Islam dari Zanjibar (Zanzibar) dan dari negeri-negeri Arab memberi penerangan dan tabligh sehingga sekarang penduduk Islam di Madagaskar yang telah tidur lama telah bangun semula. Islam telah mulai subur dan meresap ke dalam hati penduduk yang telah sedar. Pusat penyebaran Islam yang besar sekali di Pulau Madagaskar pada hari ini ialah yang berpusat di bandar Majimaga.

Dalam pada itu penyebar-penyebarnya Kristian sedang bergerak di Madagaskar di bawah lindungan penjajah Perancis.

Ikhwan di Mekah



Anggota-anggota Ikhwan di Mekah *al-Mukarramah*. Duduk di tengah-tengah ialah saudara Ismail (Ikhwan: 1151) yang baharu tiba di Tanah Suci dari Tanah Melayu kerana melanjutkan pelajarannya, di sebelah kiri ialah saudara-saudara: Sidek Muhammad Shamsuddin, Muhammad Said dan Kasmuri. Ketiga-tiganya juga dari Tanah Melayu dan sedang melanjutkan pelajaran mereka di Mekah.

* * *